

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.3( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 2 TAHUN 2023**

**Tarikh** : 23 Februari 2023 (Khamis)

**Masa** : 10.00 pagi – 11.35 pagi

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2  
Bangunan MBSJ

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN FEBRUARI 2023**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Februari 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### **3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR**

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kedua bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Timbalan Datuk Bandar berkongsi beberapa amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Malaysia. Amanat pertama daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berkenaan yang diucapkan dalam perjumpaan bersama warga kerja bagi bulan Februari pada 7 Februari 2023 di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya.

Perdana Menteri menegaskan supaya warga perkhidmatan awam perlu bekerja sebagai satu pasukan yang menerapkan elemen amanah dan kepercayaan dalam budaya kerja. Semangat berpasukan merupakan satu elemen penting bagi menjayakan usaha Kerajaan dalam menangani pemulihan ekonomi, menentang penindasan dan ketidakadilan, menjamin hak dan kesamarataan, serta melonjakkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Warga perkhidmatan awam digesa memberikan komitmen dan semangat menyeluruh untuk melaksanakan perubahan bagi mengangkat negara ke arah lebih baik.

Seterusnya, amanat kedua yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara dalam Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara tahun 2023 yang diadakan pada 9 Februari 2023 bertempat di Auditorium JPA, Putrajaya, berkenaan The G.R.E.A.T Civil Service.

Dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat, agensi kerajaan hendaklah memastikan sentiasa ada penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Penjawat awam perlu terus memberikan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat dengan penuh profesional dan berintegriti, apatah lagi dalam era pasca normal yang mencabar dan penuh dengan ketidaktentuan. Usaha untuk memaju dan membangunkan negara ditambah dengan situasi semasa memerlukan kejituan semangat serta pegangan kukuh kepada ikrar profesionalisme perkhidmatan awam demi menjamin penyampaian perkhidmatan terbaik.

Pendekatan mesra rakyat perlu diberi keutamaan oleh semua agensi kerajaan kerana kerajaan memahami pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat.

Dalam usaha melaksanakan segala dasar, program dan projek, penjawat awam perlu bersikap adil lagi telus dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Rasa tanggungjawab dan patriotism dalam melaksanakan tugas perlu sebatu dalam diri setiap penjawat awam dengan menjunjung ketaatan kepada negara, kewajipan menyimpan segala rahsia kerajaan dan menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara melebihi kepentingan peribadi.

Menerusi nilai, etika dan kerjasama yang mantap dan berpadu, agenda negara dapat dilaksanakan secara efektif dengan penuh dedikasi. Bukan mudah menjadi penjawat awam kerana akan sentiasa dipantau, diperhatikan dan diadili rakyat atas kebolehan melaksanakan tugas dan amanah. Namun, perkara ini perlu dilihat secara positif agar setiap tugas yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Laksanakanlah amanah dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan demi kesejahteraan serta kemakmuran negara yang tercinta.

- ii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ akan menganjurkan ‘Persidangan : Kita Selangor; Iltizam Rekabentuk Sejagat Ke Arah Negeri Inklusif’ peringkat Negeri Selangor pada 7 Mac 2023 bertempat di Hotel Sunway Resort.

Penyertaan dijangka 500 peserta yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan Negeri, Pegawai Teknikal PBT Negeri Selangor, pemaju-pemaju, NGO, Badan Kesihatan, Pensyarah Universiti dan

golongan profesional yang terdiri daripada Perancang Bandar, Arkitek, Jurutera dan Arkitek Lanskap.

Persidangan ini akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Menurut sumber daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat 2022, Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar terdiri daripada kira-kira 103,900 orang meliputi sekitar 1.6% daripada jumlah penduduk di Negeri Selangor. Mereka memerlukan sokongan dan pembelaan daripada masyarakat supaya dapat menjalani kehidupan seharian sebagaimana individu yang lain.

Justifikasi utama persidangan ini adalah bagi meningkatkan kesedaran, keupayaan dan peluang kepada masyarakat serta kumpulan berkepentingan terhadap penyediaan reka bentuk sejagat dan menggalakkan pembangunan yang lebih mesra, selamat dan selesa kepada semua pengguna terutamanya golongan OKU. Ia juga bagi mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu semasa dalam perancangan dan proses membuat keputusan dan penambahbaikan bagi dasar garis panduan semasa iaitu Pelan Tindakan OKU 2016-2022, Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat, MS1184:2017 Universal Design and Accessibility in Built Environment dan Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor.

Penganjuran persidangan adalah usahasama MBSJ dengan pelbagai agensi antaranya Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Tindakan OKU Negeri Selangor (MTOS), Sunway Berhad, The Real Estate and Housing Developers' Association (Rehda Selangor), Malaysian Institute of Planners (MIP), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM), The Institute of Engineers Malaysia (IEM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

- iii) Timbalan Datuk Bandar juga memberitahu bahawa seramai 40 orang terdiri daripada Pegawai dan Ahli Majlis MBSJ telah menyertai persidangan Asean Education Cities Conference 2023 (AECC 2023) anjuran Universiti Sunway pada 11 dan 12 Februari 2023.

Persidangan ini menyediakan platform bagi perkongsian idea, amalan terbaik serta penemuan penyelidikan tentang bandar pintar dan mampan serta bagaimana menjadikan institusi pendidikan sebagai ruang dalam menyokong pembangunan mampan bandar dan komuniti, melalui penyelidikan, pengajaran, nasihat dasar dan penglibatan awam.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) telah dijemput sebagai salah seorang pembentang kertas kerja bertajuk Subang Jaya : *A Sustainable City of Choice and Opportunity*.

Antara intipati ucapannya adalah :

- a) Bandaraya Subang Jaya komited dalam menawarkan persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti pelbagai jenis penginapan pelajar di luar kampus, rangkaian pengangkutan awam yang baik, bandar selamat serta pilihan makanan yang hebat dan berpatutan.
- b) Sebagai bandar yang memberikan 'Opportunity', MBSJ menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada lepasan sekolah dan universiti. Pusat perniagaan yang berdaya saing di Puchong dan Kinrara menawarkan kerjaya yang baik untuk masa hadapan. Selain itu, pusat perubatan yang unggul di sini merupakan pusat pekerjaan yang berpontensi untuk mereka yang terlatih dalam bidang perubatan.
- c) Pembangunan Bandaraya Subang Jaya berpandukan dua dokumen perancangan dan pengurusan utama, iaitu Pelan Strategik Subang Jaya 2035 dan Rancangan Tempatan 2035. Beberapa stesen transit telah dikenal pasti bagi pembangunan kediaman untuk memenuhi keperluan keluarga muda masa depan. Pembinaan disekitarnya membolehkan orang ramai bergerak lebih pantas dengan pengangkutan awam ke tempat kerja, institusi pendidikan, kawasan rekreasi dan pusat membeli-belah.

- iv) Seterusnya pemakluman berkenaan Program *Pledge And Plant A Tree* atau dikenali sebagai PAPAT akan dianjurkan oleh MBSJ dengan kerjasama Malaysia Institute of Planners dan Huges Development Sdn Bhd pada 25 Februari 2023 (Sabtu) bermula jam 7.30 pagi di Tanah Lapang Awam, Persiaran Puchong Legenda, Taman Puchong Legenda.

Program ini akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam. Program PAPAT ini dianjurkan oleh MIP pada setiap tahun sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia. Program yang dimulakan pada 2008 ini telah menyumbang kepada penanaman pokok di bandar-bandar di negara ini dengan penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat korporat, komuniti, dan individu.

Program ini telah melibatkan 22 Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia dan sebanyak 5,182 jumlah pokok telah ditanam sepanjang program ini dijalankan. Selain itu, program ini juga menyokong program Kempen 100 juta penanaman pokok oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Yayasan Hijau serta memperkasakan matlamat di dalam SDG 13 iaitu Perubahan Iklim.

- v) Seterusnya, MBSJ merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor khususnya melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor di atas sumbangan satu unit *inflatable*



*boat* berserta enjin dan satu unit basikal elektrik kepada pasukan PANTAS MBSJ. Penambahan aset ini dapat membantu kesiapsiagaan Pasukan Pantas MBSJ dalam menghadapi bencana.

- vi) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Program Hari Wanita Sedunia 2023 akan disambut pada 4 hingga 5 Mac 2023 (Sabtu dan Ahad), jam 10.30 pagi bertempat di Da Men USJ, Subang Jaya. Majlis ini akan dirasmikan oleh YB Michelle Ng Mei Sze Adun Subang Jaya. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pameran, gerai jualan pelbagai barangan serta forum berkaitan peranan dan cabaran wanita masa kini di dalam masyarakat.
  
- vii) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan bahawa MBSJ akan mengadakan Program Ramadan Yang Dirindui pada 10 Mac 2023 (Jumaat) pada jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di Masjid Kg. Sri Aman Puchong. Pelbagai aktiviti akan diadakan seperti berikut :
  - a) Kelas Hafazan Al-Quran oleh Ustaz Nik Muhammad Rabbani bin Nik Zainal Alam. Terbuka kepada semua golongan dan kariah di Kg Seri Aman serta kawasan sekitar.
  - b) Program ceramah Ramadan Dirindui oleh Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad. Al-Bakri (Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia) Mantan Mufti Wilayah Persekutuan & Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

- c) Qasidah Kumpulah Al-Busyira, Yayasan As Sofa & Food Truck.
- viii) MBSJ akan menganjurkan Program Selamat Pagi Subang Jaya - Hari Tanpa Kenderaan pada 5 Mac 2023 (Ahad) bertempat di Jalan Kemajuan, Subang Jaya (berhadapan Aeon Big dan Subang Parade) bermula jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Pada edisi kali ini, beberapa aktiviti tambahan akan diadakan bagi semua peringkat bagi menarik lebih ramai pengunjung menyertai program ini antaranya Eco Free Market (EFM), Persembahan Buskers, Demonstrasi Masakan, Kejohanan Street Soccer Piala Datuk Bandar dan pelbagai lagi aktiviti riadah akan dijalankan.

Selain daripada itu, aktiviti larian santai, berjalan santai, berbasikal santai, Pesta Sarapan, Foodtruck, Car Boot Sale, pameran PDRM, aktiviti memanah, absailing, rope repelling serta cabutan bertuah bersama hadiah yang menarik menanti para pengunjung. Orang ramai dijemput hadir bagi menyertai aktiviti riadah yang disediakan sekaligus menyokong usaha bandar rendah karbon.

Warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir beramai-ramai bagi memeriahkan dan menyokong program tersebut.

- ix) Timbalan Datuk Bandar memaklumkan berkenaan tindakan MBSJ terhadap Pelanggaran Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Sepanjang tahun 2022, MBSJ telah berjaya merekodkan 22 sabitan yang melibatkan pelanggaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 dengan nilai hukuman denda sebanyak RM 137,000.00. Kesemua pesalah yang terdiri daripada pemaju dan pemilik tanah telah didakwa di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang membawa hukuman denda maksima sebanyak RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Terdapat tiga kes aktiviti tanpa kebenaran telah dihentikan dan tanah telah dipulihkan sepenuhnya seperti keadaan asal. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dihentikan adalah seperti berikut:

- a) Aktiviti penternakan haiwan di atas lot kediaman di kawasan Batu 14 Puchong telah dihentikan sepenuhnya, haiwan-haiwan telah dipindahkan dan struktur kandang haram telah diruntuhkan;
- b) Kilang kusyen di atas lot kediaman di kawasan Batu 8 Puchong telah dihentikan sepenuhnya, bangunan tanpa kebenaran telah diruntuhkan dan tanah dipulihkan seperti keadaan asal; dan

- c) Sebuah tadika tanpa kebenaran di kawasan kediaman di Jalan BPU 2 Puchong telah dihentikan sepenuhnya dan bangunan kediaman telah dipulihkan seperti keadaan asal.

Pihak Majlis memandang serius aktiviti-aktiviti perancangan tanpa kebenaran, khususnya kilang-kilang haram yang didirikan di kawasan kediaman di atas faktor kacau ganggu kepada masyarakat setempat. Aktiviti kilang haram yang tidak terkawal ini telah menyebabkan isu-isu pencemaran yang bukan sahaja memudaratkan alam sekitar tetapi juga menggugat keselamatan dan kesihatan penduduk sekitar.

Tindakan pendakwaan terhadap kilang-kilang haram dan pihak-pihak yang menjalankan pemajuan tanpa kebenaran akan diteruskan dengan agresif bagi memastikan pelanggaran ini ditangani secara tegas dan saksama.

- x) Sepanjang tahun 2022, MBSJ telah berjaya merekodkan 1,045 sabitan yang melibatkan pelanggaran Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil Majlis dengan nilai hukuman denda sebanyak RM 625,840.00.

Pihak Majlis memandang serius peningkatan premis perniagaan dan restoran tanpa lesen yang mengabaikan peruntukan undang-undang dan pematuhan kepada piawai keselamatan yang ditetapkan di mana tindakan tidak bertanggungjawab ini boleh

menyebabkan kes kebakaran atau letupan yang disebabkan oleh kebocoran gas dan pencemaran parit awam.

Selanjutnya, Majlis juga menyeru agar penjaja yang beroperasi di tepi jalan raya atau di atas petak letak kereta untuk menghentikan kesalahan tersebut yang bukan sahaja menyebabkan risiko keselamatan kepada pelanggan dan pengguna jalan raya. Seterusnya, ianya juga menyebabkan halangan terhadap pengguna tempat letak kereta.

- xi) Seterusnya pemakluman berkenaan kejayaan MBSJ yang mendapat pengiktirafan Bandar Rendah Karbon 2022 (Pengiktirafan Diamond Bagi Zon Bandar Sunway) daripada Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC) pada 20 Februari 2023. Pengiktirafan telah disempurnakan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di Shah Alam, Selangor.
- xii) Seterusnya pemakluman berkenaan Program Sumbangan Persekolahan tahun 2023 yang dilaksanakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan khususnya mereka yang tinggal di kawasan pangsapuri kos rendah dan kampung dalam bandar.

Pemilihan 50 penerima sumbangan akan dibuat oleh pihak Ahli Majlis dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) memandangkan

MPP lebih mengenali dan boleh mengenalpasti golongan sasaran di kawasan masing-masing.

Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk wang tunai atau barangan keperluan sekolah sebanyak RM 100.00 kepada 50 orang pelajar yang kurang berkemampuan di setiap 24 MPP bagi persediaan kembali ke sekolah pada sesi persekolahan tahun 2023 bulan Mac ini.

- xiii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 7 iaitu antara 12 Februari 2023 hingga 18 Februari 2023, terdapat sebanyak 1,093 kes positif demam denggi berbanding dengan 721 kes dalam tempoh sama pada tahun 2022 melibatkan 19 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ dengan Desa Minium Rimba Lestari Perdana mencatatkan jumlah kes terbanyak iaitu sebanyak 35 kes dalam tempoh 87 hari.

Ketika ini, kes demam denggi semakin meningkat di seluruh Malaysia. Berikutan peningkatan kes demam denggi ini, operasi khas bersepadu Negeri Selangor termasuk di kawasan pentadbiran MBSJ telah dimulakan sejak 15 Februari 2023 sehingga 22 Mac 2023 melibatkan kerjasama antara MBSJ, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah dan lain-lain agensi berkaitan.

Sehubungan dengan itu, masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing

bersih dan bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2023**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2023 bertarikh 31 Januari 2023 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2023**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2023 bertarikh 31 Januari 2023 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

## 6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

### 6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 bertarikh 8 Februari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 bertarikh 8 Februari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1(i) & m/s 5	Encik Yap Kok Weng	Program Masyarakat Madani	Beliau memohon supaya cadangan tambahan lokasi padang woodball di kawasan Seri Kembangan direalisasikan bagi memperkenalkan permainan ini kepada masyarakat.



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis dalam proses memilih lokasi yang bersesuaian mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 9.4 & m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Aktiviti Mingguan di Perpustakaan Hipermedia MBSJ bagi Tahun 2023	<p>Beliau memohon penjelasan adakah peruntukan yang diluluskan melibatkan semua perpustakaan di kawasan MBSJ atau lokasi tertentu sahaja.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa peruntukan yang diluluskan adalah melibatkan aktiviti mingguan di semua Perpustakaan Majlis.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.	Para 9.5 & m/s 18	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan – Program Outreach Bersama MPP MBSJ bagi Tahun 2023	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan program Outreach yang hanya melibatkan enam MPP sahaja dan mencadangkan program ini diperluaskan kepada semua MPP.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan menyemak semula cadangan program ini dan melibatkan golongan B40 di semua MPP.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>

### 6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 bertarikh 13 Februari 2023

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1 & m/s 4	Puan Lee Jen Uyin	Permohonan Peruntukan Hadiah bagi Kategori MBSJ Smart Vibrant Community Awards 2023	<p>Beliau mencadangkan supaya kategori anugerah dapat diperincikan dan diperluaskan mengikut <i>Sustainable Development Goals</i> (SDG).</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta Jabatan Perancangan Bandar dilibatkan untuk memperhalusi kategori melibatkan SDG.</p> <p><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
2.	Para 5.14 & m/s 18	Encik Yap Kok Weng	Pelantikan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perumahan Rakyat MBSJ	Beliau mencadangkan supaya Ahli Majlis kawasan yang terlibat dengan bencana dilibatkan dalam mesyuarat bagi penempatan penduduk yang terjejas.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Cadangan</b>
			bagi Sesi 2023-2025	<b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat memutuskan Ahli Majlis kawasan yang terlibat dengan bencana dibenarkan menyertai mesyuarat sebagai jemputan.  <b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b>

#### **6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 Bertarikh 13 Februari 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2023 Bertarikh 15 Februari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.0 & m/s 2	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Peniaga Tanpa Permit di Hadapan Kuarters TUDM di Taman Kinrara (TK 1)	Beliau memohon penjelasan berkenaan isu tindakan perobohan gerai tanpa permit di hadapan kuarters TUDM di TK 1.  <b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengarahkan semua agensi menanggungkan sementara tindakan penguatkuasaan dan perobohan yang melibatkan bangunan kediaman, persendirian dan strata.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Sebarang cadangan tindakan penguatkuasaan dan perobohan hendaklah dirujuk terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri.  <b>Tindakan: Jabatan Bangunan</b>

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2023 Bertarikh 15 Februari 2023**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1 & m/s 3	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bagi bulan Januari 2023	Beliau memohon penjelasan berkenaan kes keracunan makanan di kawasan MBSJ.  <b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat memaklumkan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Cadangan</b>
				<p>bahawa kes keracunan makanan di kawasan MBSJ masih dalam semakan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>
2.	Para 7.5 & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal Lain – Puan Ng Seow Chen	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan pokok <i>illegal</i> yang dicatatkan dan meminta supaya catatan minit perlu lebih terperinci di masa akan datang.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara tersebut dan meminta catatan minit diperincikan di masa akan datang.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

## 6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2023 Bertarikh 16 Februari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.3.1 / 5.3.6 & m/s 6 / 7	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Hal-hal Lain	<p>Beliau memohon supaya MBSJ memasang papan tanda 'AWAS, JANGAN BERMAIN PADA WAKTU HUJAN ATAU KILAT PETIR' dan 'DILARANG MINUM ALKOHOL' di semua gelanggang bola keranjang serta taman permainan di kawasan pentadbiran MBSJ.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan pemasangan papan tanda tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan: Jabatan Landskap</b></p>



## **6.8 Laporan Mesyuarat Penyediaan Senarai Nilai dan Kadar Cukai Taksiran Baharu Bagi Pegangan Berkadar di dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya Berkuatkuasa Mulai 1 Januari 2024 Bertarikh 21 Februari 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut. MBSJ akan mengemukakan permohonan pewartaan Senarai Nilai dan Kadar Cukai Taksiran Baharu kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan selanjutnya.

Urusan percetakan notis dan pengedaran Notis Senarai Nilai Baharu hanya boleh dilakukan oleh pihak Majlis dan penilai swasta yang dilantik setelah menerima kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

## **7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **7.1 Kertas Cadangan Penubuhan Ahli Jawatankuasa dan Pengerusi MPP, Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy serta Perubahan Jawatankuasa Mesyuarat Dua Ahli Majlis Parti PKR, Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.2/2/2023)**

-----

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

### Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas cadangan penubuhan ahli jawatankuasa dan pengerusi MPP, Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy serta perubahan jawatankuasa mesyuarat dua Ahli Majlis Parti PKR, Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut :

AHLI MAJLIS	PERKARA	PERINCIAN
Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	Jawatankuasa Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam</li> <li>▪ Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar</li> <li>▪ Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat</li> <li>▪ Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat</li> </ul>
	Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)	<p><b>Zon 17</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Taman Industri Pusat Bandar Puchong,</li> <li>▪ PKNS Puchong Batu 13 ½,</li> <li>▪ Taman Puchong Hartamas,</li> <li>▪ Puchong Batu 14,</li> <li>▪ Kampung Baru Puchong,</li> <li>▪ Bandar Puchong Utama,</li> <li>▪ Bandar Bukit Puchong,</li> </ul>

<b>AHLI MAJLIS</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PERINCIAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Taman Saujana Puchong,</li><li>▪ Taman Mutiara Indah,</li><li>▪ Taman Puchong Impian</li></ul>
Puan Sarawati binti Mukhtar	Jawatankuasa Mesyuarat	Digugurkan sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam
Encik Ahmad Danish bin Hairudin	Jawatankuasa Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Digugurkan sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat</li><li>▪ Digantikan sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan</li></ul>

**Tindakan :**  
**Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **7.2 Kertas Cadangan Penetapan Dasar Bagi Penyewaan Tapak Paparan Iklan di atas Tanah Kerajaan di dalam Kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.3/2/2023)**

-----  
Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan dibentangkan oleh Puan Aida binti Omar, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBSJ.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas cadangan penetapan dasar bagi penyewaan tapak paparan iklan di atas tanah kerajaan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**Tindakan :**

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**7.3 Kertas Permohonan Peruntukan Bagi Program Menggunakan Peruntukan Penyelenggaraan MPP (Inden MPP Jabatan Kejuruteraan) Majlis Bandaraya Subang Jaya 2023 (Kertas Mesyuarat Bil.4/2/2023)**

-----  
Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan dibentangkan oleh Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat MBSJ.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas permohonan peruntukan bagi program menggunakan Peruntukan Penyelenggaraan MPP (Inden MPP Jabatan Kejuruteraan) Majlis Bandaraya Subang Jaya 2023, pilihan ketiga seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKAN	VOT
1.	Inden MPP	RM 80,000.00	39711 : Peruntukan Penyelenggaraan MPP Jabatan Kejuruteraan dan Landskap
2.	Program MPP	RM 18,000.00 x 24 MPP = <u>RM 432,000.00</u> )	39711 : Peruntukan Penyelenggaraan MPP Jabatan Kejuruteraan dipindah ke <u>Vot 39725 : BNU Basmi Kemiskinan</u>

Peruntukan bagi program MPP berjumlah RM18,000.00 untuk 24 MPP akan disalurkan melalui kaedah '*pay and claim*' bagi program yang melibatkan kawasan MPP dan pangsapuri angkat bermula 23 Februari 2023 . MPP perlu mengemukakan laporan program yang telah dilaksanakan dan resit asal perbelanjaan bagi tujuan tuntutan bayaran.

**Tindakan :**  
**Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## 8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik M. Anbarasan a/ Murugesu, wakil daripada Parti PKR.

## 9.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.

Tarikh Disediakan : 24 Februari 2023

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

**(IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS),** K.M.N , P.J.K

Timbalan Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR

1. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Pengerusi  
Timbalan Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K. - Setiausaha  
Timbalan Setiausaha Mesyuarat

### HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Puan Lee Jen Uyin - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "

- |     |                                   |   |   |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim      | - | " |
| 13. | Encik Wong Yii Seang              | - | " |
| 14. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 15. | Puan Sarawati binti Mukhtar       | - | " |
| 16. | Encik Pravin a/l Murali           | - | " |
| 17. | Encik Tah Yap Keong               | - | " |
| 18. | Encik Ahmad Danish bin Hairudin   | - | " |
| 19. | Puan Tanujah a/p Debul Singh      | - | " |
| 20. | Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha | - | " |
| 21. | Encik Khairol Basri bin M.Arif    | - | " |
| 22. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)**

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar



4. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
5. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
6. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
7. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
8. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
9. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Ts Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
13. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

17. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
18. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
2. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

### **URUSETIA**

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Sakinah binti Mohammad  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan